

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ
BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]**

SOALAN

YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan membentangkan perancangan dalam memelihara khazanah warisan kebudayaan dalam kalangan anak muda melalui program kesenian dan kebudayaan di peringkat akar umbi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bersama Jabatan dan serta Agensi di bawahnya telah merancang dan melaksanakan pelbagai program melibatkan anak muda dalam memelihara khazanah warisan kebudayaan.

2. Antara program yang dilaksanakan termasuk:

(a) Program Bimbingan Seni Budaya

Program berasaskan pendedahan awal kepada unsur-unsur seni budaya melalui program Bimbingan Seni Budaya seperti Program Celik Seni, Program Didik Seni, Program Pintar Seni dan Program Terapi Seni untuk kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan umur empat (4) sehingga dua puluh satu (21) tahun.

(b) Program Perantisan

Program berbentuk sesi pembelajaran secara intensif dalam bentuk kumpulan sama ada secara bersemuka ataupun dalam talian melibatkan peserta seawal peringkat kanak-kanak sehingga golongan belia. Pewujudan kumpulan pelapis yang mampu menguasai segala aspek kesenian seni tradisional yang dipilih bertujuan untuk memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus.

(c) Penglibatan Golongan Muda Dalam Program/Aktiviti Seni Budaya

Golongan muda dilibatkan dalam pelaksanaan program dan aktiviti seni budaya di seluruh negara dalam pelbagai bentuk termasuk latihan kemahiran, program keusahawanan serta inisiatif lain seperti Budi@Seni, Syarahan Budaya, Sukarelawan Budaya dan Pemerksaan Nilai-nilai Murni.

(d) Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Pembelajaran formal ditawarkan dalam bidang seni, budaya dan warisan dari peringkat asasi seni kreatif, diploma, ijazah sarjana muda dengan kepujian, sarjana seni kreatif dan ijazah kedoktoran seni kreatif. Kini, ASWARA telah menerima perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi dua puluh lapan (28) program pengajian. Kursus jangka pendek iaitu Sijil Seni Tradisi pula disasarkan kepada penggiat-penggiat seni dan orang awam berminat dalam bidang seni budaya seperti Muzik Wayang Kulit, Muzik Dikir Barat, Pewayangan, Vokal Tradisional, Muzik Solo Serunai, Muzik Solo Rebab, Asas Mak Yong, Gamelan Melayu dan lain-lain.

(e) Penerbitan, promosi, pertandingan dan persembahan

Kesedaran terhadap kecintaan warisan dilaksanakan melalui penerbitan dokumentari serta penulisan tentang warisan negara di samping menjalankan promosi di media elektronik, media cetak dan media sosial. Selain itu, Jabatan Warisan Negara (JWN) turut mengadakan latihan dan pengajaran secara bersemuka di Pusat Pengembangan Warisan dan pertandingan mencungkil bakat anak muda.

(f) Latihan Kemahiran Seni kraf

Institut Kraf Negara (IKN) di Rawang, Selangor menawarkan latihan kemahiran kraf secara formal di peringkat Sijil dan Diploma kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berbakat dan berkemahiran. Latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran dalam melahirkan graduan seni kraf dan laluan pendidikan berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

(g) Pusat Kecemerlangan Kraf

Pusat Kecemerlangan Kraf di IKN merupakan hub pembangunan kreatif dalam pendidikan dan seni kemahiran kraf. Antara program yang dirancang termasuk aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara santai, program keilmuan kraf serta pertandingan rekaan dan kemahiran kraf yang menyasarkan penglibatan pelajar, tenaga pengajar, pereka dan komuniti kraf.

(h) Program *Creative Craft Studio* (CCS)

Program Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) ini merupakan program terbaharu berbentuk kursus kemahiran jangka pendek selama enam (6) hingga sepuluh (10) hari yang

ditawarkan kepada golongan belia bagi mempelajari teknik kemahiran kraf.

(i) Program Jejak Warisan Kraf

Aktiviti pemeliharaan, pengembangan ilmu dan pendidikan kraf dilaksanakan sebagai pendedahan serta program kesedaran kepada masyarakat berkenaan produk kraf tempatan. Bertujuan untuk memelihara seni kraf warisan daripada pupus ditelan zaman, aktiviti ini melibatkan pelajar, guru, warga institusi pengajian tinggi, persatuan dan individu.

Sekian, terima kasih.